

03 OCT 1996

MOTOSIKAL BUATAN MALAYSIA DIBERI NAMA "KRIS"

GURUN, 3 Okt (Bernama) -- Motosikal buatan Malaysia yang pertama dengan kuasa 110cc diberi nama "Kris" dan ia dijangka dijual pada harga kurang daripada RM4,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan nama motosikal itu sebaik sahaja merasmikan kilang Motosikal dan Enjin Nasional Berhad (Modenas) di sini.

Sebelum itu, Dr Mahathir telah mencuba memandu motosikal tersebut dan menyifatkannya sebagai "bagus, lancar dan sedap (dipandu)."

Motosikal yang akan dikeluarkan dalam tiga warna itu dijangka mula berada di pasaran bulan depan.

Semasa berucap pada pelancaran motosikal itu, Dr Mahathir juga berkata selepas ini Malaysia akan berusaha menghasilkan sendiri barangan elektrik kegunaan rumah seperti peti sejuk, seterika, radio dan televisyen dengan jenama sendiri untuk kegunaan domestik dan eksport. -- BERNAMA

MOK NMO